

## TERMA & SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN BAGASI HAJI

Berikut adalah terma dan syarat perkhidmatan Bagasi Haji yang dipersetujui di antara pengirim dan Pos Malaysia Berhad (PMB) apabila pengirim menggunakan perkhidmatan Bagasi Haji:

### **1. Tanggungjawab pengirim**

- Pengirim bertanggungjawab memastikan Bagasi Haji tidak melebihi berat maksima 30kg serta ukur lilit tidak melebihi 2 meter dan panjang tidak melebihi 1.05 meter
- Pengirim bertanggungjawab memastikan kandungan Bagasi Haji yang dipos tidak mengandungi sebarang item yang dilarang pengeposan tersebut dalam Perkara 2.
- Pengirim bertanggungjawab mengisyihar kandungan Bagasi Haji dengan lengkap dan sahif. PMB tidak akan melayan sebarang tuntutan ganti rugi sekiranya mengelirukan atau bercanggah dari kandungan dan nilai sebenar kandungan yang telah diisyiharkan semasa pengeposan dibuat.
- Pengirim bertanggungjawab memastikan kandungan Bagasi Haji dimasukkan ke dalam kotak yang dibungkus sempurna, selamat serta memenuhi ciri-ciri keselamatan dengan setiap bahagian bucu kotak wajib dikukuhkan menggunakan pita pelekut untuk melindungi kandungan item semasa kendalian secara biasa sepanjang proses pengeposan.
- Pengirim bertanggungjawab memastikan maklumat pada nota konsainan diisi dengan lengkap dan alamat serta nombor telefon penerima ditulis dengan tepat dan jelas. Untuk keselamatan, pengirim juga diwajibkan menulis alamat dan nombor telefon pihak penerima pada kotak Bagasi Haji yang ingin dipos.
- Pengirim bertanggungjawab memaklumkan penerima wajib membuat bayaran caj pengeposan untuk pilihan Bayar Waktu Terima semasa PMB membuat serahan.
- Pengirim / Penerima wajib maklum dan bertanggungjawab membuat bayaran semula kepada PMB untuk jumlah cukai yang dikenakan oleh pihak Kastam.

### **2. Barang yang dilarang pengeposan**

- Pengeposan sebarang item yang dikategorikan sebagai item merbahaya (dangerous goods) oleh PMB atau pihak berkuasa adalah dilarang sama sekali. Item merbahaya seperti berikut tetapi tidak terhad, iaitu: bahan cecair, bahan mudah terbakar, senjata dan alatan tajam.
- Pengeposan sebarang item yang dikategorikan sebagai item larangan oleh PMB dan pihak berkuasa atau item dilarang import oleh kerajaan Malaysia atau dilarang eksport oleh kerajaan Arab Saudi, adalah dilarang sama sekali. Item larangan seperti berikut tetapi tidak terhad, iaitu: wang tunai, kad kredit, barang kemas, batuan dan logam berharga atau bahan cetak rompak.
- Pengeposan salinan asal dokumen-dokumen penting seperti berikut tetapi tidak terhad, iaitu: MyKad, passport atau lain-lain dokumen penting adalah di atas risiko pengirim.

### **3. Cukai Kastam**

PMB akan menguruskan pembayaran item Bagasi Haji yang dikenakan cukai oleh pihak Kastam dan bayaran tersebut kemudian akan ditutut dari pihak penerima semasa bayaran serahan Bagasi Haji dibuat.

### **4. Serahan Bagasi Haji**

PMB akan memastikan Bagasi Haji diserahkan mengikut standard yang ditetapkan. Tiada jaminan pemulangan caj pengeposan sekiranya serahan mengalami kelewatan. Serahan tertakluk kepada jadual penerbangan dan sebarang urusan berkaitan pihak berkuasa Malaysia dan Arab Saudi. PMB bertanggungjawab membuat serahan kepada alamat yang ditulis oleh pengirim atas kertas Nota Konsainan. PMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan kerosakan atau tiada penerimaan yang berlaku selepas serahan kepada alamat yang ditulis oleh pengirim.

### **5. Keadaan luar kawal**

PMB tidak akan menanggung kerugian bagi kehilangan, kerosakkan, kegagalan atau kelewatan serahan disebabkan oleh perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu;

- Bencana alam seperti gempa bumi, taufan, banjir dan seumpamanya
- Keadaan luar kawal seperti perperangan, embargo, kemalangan kapal terbang atau kerosakan teknikal kapal terbang.

- Kebakaran atau rompakan luar kawalan yang berlaku di premis PMB, meskipun kawalan keselamatan telah diambil sewajarnya.
- Item yang ditahan atau dirampas oleh pihak Kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain, pengirim bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, duti atau penalti yang dikenakan oleh pihak Kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain.

### **6. Pengecualian tanggungjawab PMB**

PMB tidak bertanggungjawab menganggung perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu

- Kerugian tidak langsung (indirect loss)
- Kerosakan tidak langsung (consequential damages)
- Lain-lain kos tidak langsung (other indirect cost)
- Kehilangan peluang kontrak, keuntungan, pendapatan atau kos kerugian yang ditanggung oleh pengirim susulan dari kelewatan, kerosakan atau kehilangan kandungan atau sebahagian kandungan, samaada PMB mengetahui atau tidak mengetahui kendungan item semasa pengeposan atau disebabkan oleh kecuaian PMB.
- Pengirim gagal mematuhi tanggungjawab pengirim seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1.

### **7. Tuntutan Ganti Rugi**

Sebarang tuntutan ganti rugi item Bagasi Haji (diinsurankan atau tanpa diinsurankannya) yang mengalami kerosakan / kehilangan sebahagian / kehilangan sepenuhnya hanya boleh ditutut oleh pengirim atau wakil yang dipersetujui secara bertulis oleh pengirim sahaja. Tuntutan ganti rugi adalah mengikut syarat berikut;

- Sekiranya didapati item yang diterima mengalami kerosakan / kehilangan sebahagian, jemaah perlu mengemukakan aduan bertulis dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengeposan. Siasatan dan pengesahan status kehilangan sepenuhnya item akan dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh aduan.
- Untuk item yang masih belum diterima (suspect total lost) dalam tarikh jangkaan penerimaan, jemaah perlu mengemukakan aduan bertulis dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengeposan. Siasatan dan pengesahan status kehilangan sepenuhnya item akan dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh aduan.
- Sebarang aduan kerosakan / kehilangan sebahagian / kehilangan sepenuhnya mesti dilaporkan di mana-mana Pejabat Pos / Pusat PosLaju.
- Sebarang pengesahan mengenai status kerosakan / kehilangan sebahagian / kehilangan sepenuhnya akan disahkan melalui surat rasmi kepada jemaah.
- Jemaah perlu mengemukakan tuntutan ganti rugi dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat pengesahan kerosakan / kehilangan sebahagian / kehilangan item.
- Dikemukakan secara bertulis dengan mengisi Pos PP1, disertakan salinan resit dan salinan pengesahan diri yang sah.
- Kemukakan tuntutan ganti rugi yang telah lengkap kepada mana-mana Pejabat Pos / Pusat PosLaju berhampiran.

### **8. Had Tanggungan Ganti Rugi**

Tanggungan PMB untuk tuntutan ganti rugi adalah mengikut SR1.00 bersamaan RM1.00 dan terhad seperti berikut;

- Rosak  
Nilai sebenar kerosakan atau SR30 untuk kerosakan setiap kilogram yang diposkan sahaja, dengan had maksima tidak melebihi 30kg, tertakluk kepada nilai yang paling rendah. Caj pengeposan tidak dipulangkan.
- Kehilangan sebahagian  
Nilai sebenar kehilangan atau SR30 untuk kehilangan setiap kilogram yang diposkan sahaja, dengan had maksima tidak melebihi 30kg, tertakluk kepada nilai yang paling rendah. Caj pengeposan tidak dipulangkan.
- Kehilangan keseluruhan  
Nilai sebenar kehilangan atau SR30 untuk kehilangan setiap kilogram yang diposkan, dengan had maksima tidak melebihi 30kg, tertakluk kepada nilai yang paling rendah beserta pulangan penuh caj pengeposan.

9. Status pengeposan boleh disemak menerusi laman web [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau PosLine 1 300 300 300. Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan item PosLaju mestilah dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengeposan.
10. Sekiranya salah satu dari perkara di atas tidak sah digunakan, ia tidak menghalang perkara-perkara lain yang terkandung di dalam termasuk syarat ini untuk sah digunakan. Semua peraturan adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang terkandung dalam termasuk syarat yang dinyatakan di atas, sungguh pun demikian PMB berhak menggunakan peraturan-peraturan lain yang dikuatkuasa meskipun ia tidak dinyatakan di dalam termasuk syarat ini. PMB juga berhak membuat sebarang perubahan dan tambahan ke atas termasuk syarat tanpa notis.